

Hudud amanah Nik Aziz mesti diteruskan, kata Hadi
The Malaysian Insider
Feb 14, 2015

Susulan pemergian Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, presiden PAS menegaskan parti Islam itu akan meneruskan cadangan meminda Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 bagi melaksanakan hudud di Kelantan, sekali gus menolak usul DAP yang mahu ia ditangguhkan sehingga 2023.

Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam satu kenyataan mengingatkan agar PAS menyambung warisan Mursyidul Am PAS itu, termasuk dalam menegakkan hukum Islam yang diperjuangkan beliau selama ini.

"Pemergian Almarhum meninggalkan tapak kukuh dan jasa yang mesti dilangsungkan oleh generasi Islam hari ini dengan itqan (bersungguh-sungguh) sebagaimana diteladaninya.

"Antaranya untuk melaksanakan Enakmen Syariah dalam perundangan negeri Kelantan, menjadi amanah dan warisan yang wajib disambung," katanya dalam kenyataan yang diletakkan di laman Facebook beliau malam tadi.

Hadi menyifatkan Nik Aziz sebagai seorang pemimpin, guru, bapa dan sahabat yang mendamba dan memperhambakan diri kepada Allah dengan teguh menyambung usaha Rasulullah dan para Nabi menegakkan risalah agama Islam.

"Dunia dan umat kurun ini menyaksikan Almarhum meletakkan bumi Serambi Makkah yakni Kelantan ke peta dunia dalam istiqamahnya, beliau memartabatkan Islam di negeri itu.

"Almarhum juga negarawan yang melakar sejarah sejak usia mudanya bersama PAS memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah, sebagaimana nyata di dalam Perlembagaan PAS," katanya.

Pada Khamis, Penasihat DAP Lim Kit Siang berkata cadangan mengadakan pilihan raya pihak berkuasa tempatan (PBT) dan hukum hudud perlu ditangguhkan sehingga 2023.

Katanya, perkara itu perlu bagi menyelamatkan Pakatan Rakyat (PR) menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) dan bagi mengelak perpecahan dalam PR.

"Saya cadangkan apa-apa isu yang kita tidak boleh persetujuan bersama, diketepikan untuk tempoh 8 tahun.

"Sama ada ia dibangkitkan oleh PAS, DAP mahupun PKR, kalau masing-masing tidak setuju maka ia perlu ditangguhkan," katanya kepada media di Alor Setar.

Menulis di bawah tajuk "Menyambung warisan almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz", Hadi berkata PAS kehilangan tokoh penting dengan pemergian Nik Aziz yang merupakan kehilangan yang sukar dicari ganti.

"Nik Aziz juga seorang ulama yang tekun menyebarkan aqidah Islam dan bertegas terhadap semua ideologi asing," katanya sambil mendoakan bekas menteri besar Kelantan itu.

Sementara itu, mengulas cadangan dibangkitkan Lim, Timbalan Ketua Pemuda PAS Muhammad Khalil Abdul Hadi berkata kepada Sinar Harian Online, PAS tidak terikat dengan mana-mana pihak dalam melaksanakan cadangan pindaan Enakmen Syariah II.

Katanya, pilihan raya PBT yang diperjuangkan DAP dan undang-undang hudud yang diperjuangkan PAS ialah dua perkara berbeza.

"Hudud menjadi agenda PAS sejak sebelum PR ditubuhkan lagi dan PAS tidak terikat dengan sesiapa sama ada untuk menunda atau menangguhkannya.

"(Manakala), menjadi polisi PAS tidak bersetuju dengan pilihan raya PBT sejak tahun 70-an lagi dan ianya masih lagi relevan sehingga sekarang," katanya.

Pada 8 Februari, Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob berkata sidang khas Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan bagi membentangkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015) akan diadakan pada Mac.

Sidang khas itu sepatutnya diadakan pada 29 Disember lepas, namun ditangguhkan berikutan banjir besar melanda Kelantan. – 14 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hudud-amanah-nik-aziz-mesti-diteruskan-kata-hadi>